
Ranfuzosin Tablets 10mg[®]

Tablet Alfuzosin Hidroklorida "modified release" 10mg

Apakah yang terkandung di dalam risalah ini?

Risalah ini menjelaskan beberapa persoalan biasa tentang **Ranfuzosin Tablets**.

Risalah ini tidak mengandungi semua maklumat yang sedia ada. Ia juga bukan perbincangan di antara anda dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan faedah. Doktor boleh menjangkakan risiko anda mengambil **Ranfuzosin Tablet** di samping faedah yang diharapkan kepada anda

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang ubat ini, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu merujuknya semula.

Apakah kegunaan Ranfuzosin Tablet?

Ranfuzosin Tablet digunakan untuk merawat gejala / simptom bagi keadaan perubatan yang terdapat pada manusia, yang dikenali sebagai hipertrofi Prostatik Benigna (Benign Prostatic hypertrophy) atau BPH.

BPH adalah suatu keadaan yang kelenjar prostat (yang terdapat berdekatan pundi kencing) menjadi semakin besar, menyebabkan anda sukar membuang air kecil. Keadaan ini boleh menyebabkan gejala seperti:

- Aliran air kencing / urin menjadi lemah atau terganggu.
- Terasa tidak puas kencing
- Air kencing lambat keluar.

Ranfuzosin Tablet juga digunakan bersama dengan kateter dalam retensi kencing akut (susah kencing) sebagai satu daripada gejala BPH.

Bagaimanakah Ranfuzosin Tablet berfungsi?

Ranfuzosin Tablet mengandungi bahan aktif alfuzosin.

Alfuzosin terkandung dalam satu kumpulan ubat yang dikenali sebagai penghalang-1-alfa.

Alfuzosin berfungsi mengendurkan otot kelanjat prostat. Keadaan ini akan mengurangkan penyempitan uretra yang akan memudahkan laluan air kencing / urin.

Kelanjat kencing terletak di bawah pundi kencing yang dikelilingi uretra (tiub yang menyalurkan air kencing keluar). Dengan peningkatan umur, kelanjat prostat boleh berkembang dan menekan uretra menjadikan ia semakin kecil. Keadaan ini boleh menimbulkan masalah kencing seperti kerap kencing dan sukar kencing.

Rujuk doktor sekiranya anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang Ranfuzosin Tablet yang dipreskrib kepada anda Doktor anda mungkin mempreskripsinya kerana alasan yang lain.

Ubat ini hanya boleh diperolehi dengan preskripsi daripada doktor.

Ranfuzosin Tablet boleh diperolehi dalam bentuk tablet 10 mg

Sebelum anda mengambil Ranfuzosin Tablet

Bila tidak sepatutnya anda mengambil tablet ini

Jangan ambil Ranfuzosin Tablet jika anda alergi / mempunyai alahan terhadap:

- sebarang ubat yang mengandungi alfuzosin
- mana-mana bahan yang terkandung dalam **Ranfuzosin Tablet**, sebagaimana yang tersenarai di bahagian akhir risalah ini

Sesetengah gejala tindak balas alergi boleh termasuk:

- megah atau susah bernafas,
- bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian badan yang lain.
- ruam atau gatal-gatal pada kulit.

Di samping itu, jangan ambil alfuzosin jika anda:

- terasa pening (gayat), pitam atau pengsan apabila anda berdiri atau duduk secara tiba-tiba. .Kesan sampingan ini mungkin disebabkan tekanan darah rendah apabila bangun secara tiba-tiba daripada duduk atau berbaring [istilah perubatan yang merujuk keadaan ini adalah hipotensi ortostatik (orthostatic hypotension)]
- pernah mengambil sebarang penghalang-1-alfa yang lain (seperti terazosin, doxazosin).
- mempunyai masalah hati.

- mempunyai masalah buah pinggang atau ginjal yang teruk..
- mengambil ubat yang boleh mengubah paras darah alfuzosin seperti ketoconazole, itraconazole (ubat yang digunakan untuk jangkitan / infeksi fungus) atau ritonavir (ubat yang digunakan untuk merawat HIV).

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada pek atau jika bungkusannya terkoyak atau menunjukkan tanda-tanda telah diusik.

Tarikh luput merujuk hari terakhir pada bulan tersebut. Jika tarikhnya telah luput atau ia rosak, pulangkan kepada ahli farmasi untuk pelupusan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil ubat ini ataupun tidak, rujuk doktor anda.

Sebelum anda mula mengambilnya

Beritahu doktor jika anda mempunyai alergi terhadap sebarang ubat, makanan, bahan pengawet atau pewarna

Beritahu doktor jika anda mempunyai atau pernah mempunyai sebarang keadaan perubatan berikut:

Semasa mengambil ubat ini, jika anda mengalami tekanan darah rendah apabila bangun secara tiba-tiba daripada duduk atau berbaring, tanpa atau dengan gejala seperti pening, lemah atau berpeluh, maka anda perlu baring dengan mengangkat kaki tegak ke atas sehingga gejala yang anda alami reda.. Biasanya, kesan atau gejala ini akan reda dalam tempoh yang pendek dan berlaku beberapa jam selepas rawatan bermula..

Anda mungkin mengalami lebih banyak gejala jika anda mengambil ubat tekanan darah rendah bersama dengan

alfuzosin.

Jika anda mengalami kesakitan atau merasa tidak selesa di bahagian dada, yang sering menular ke bahagian atau leher, dan kadang kala menular ke bahu dan bahagian belakang (angina), anda sepatutnya berbincang dengan doktor sama ada anda patut meneruskan atau berhenti daripada rawatan dengan alfuzosin, terutamanya apabila sakit dada baru berlaku, berulang atau menjadi semakin teruk.

Jika anda merancang menjalani pembedahan katarak (kekaburan mata), beritahu pakar mata berkenaan bahawa anda sedang menggunakan alfuzosin atau pernah dirawat dengan penghalang-alfa. Hal ini kerana alfuzosin boleh menyebabkan komplikasi semasa pembedahan

Sebelum memulakan terapi dengan alfuzosin, doktor anda akan mengesahkan BHP melalui suatu diagnosis yang bersesuaian kerana gejala yang sama boleh juga berlaku dalam kanser prostat. .

Jika anda alergi terhadap mana-mana penghalang-alfa yang lain, doktor akan memulakan dos alfuzosin secara beransur-ansur.

Jika anda mengambil ubat lain untuk merawat tekanan darah tinggi, doktor akan memeriksa tekanan darah anda secara teratur, terutama pada permulaan rawatan.

Jika anda menderita akibat kecacatan pada ritma jantung atau anda mengambil ubat yang menyebabkan kecacatan pada ritma jantung (istilah perubatan bagi kecacatan ini ialah prolongasi QTc). Dalam kes ini, doktor sepatutnya memantau anda sebelum dan semasa tempoh pengambilan alfuzosin.

Ranfuzosin Tablet tidak disarankan untuk kegunaan wanita.

Produk ubat ini mengandungi laktosa. Sekiranya anda pernah diberitahu oleh doktor bahawa anda mempunyai tolerans terhadap sesetengah gula, hubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Jika anda tidak memberitahu doktor tentang mana-mana keadaan di atas, beritahu sebelum anda mula mengambil Ranfuzosin Tablet

Mengambil ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda ada mengambil mana-mana ubat lain, termasuk yang anda ambil tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan **Ranfuzosin Tablet** boleh bertindak balas di antara satu sama lain.

Ubat yang sepatutnya tidak diambil bersama dengan alfuzosin termasuk:

- penghalang-alfa lain seperti doxazosin, prazosin, terazosin atau tamsulosin
- ketoconazole, itraconazole (ubat yang digunakan untuk infeksi fungus), clarithromycin, erythromycin (antibiotik) dan ritonavir (ubat yang digunakan untuk merawat HIV).

Penjagaan yang diperlukan semasa mengambil

- ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (antihipertensi, contoh. ramipril, atenolol dll) atau ubat yang digunakan untuk merawat sakit dada (nitrat)
- perencat PDE5 contoh sildenafil citrate, tadalafil dll. (ubat yang digunakan dalam merawat ketidakfungsian erektil)

Jika anda akan menjalani

pembedahan yang memerlukan anestetik/ pembiusan, beritahu doktor yang anda sedang mengambil alfuzosin, sebelum pembedahan. Doktor mungkin akan menghentikan pengambilan alfuzosin 24 jam sebelum pembedahan. Ia membahayakan kerana ubat ini boleh merendahkan tekanan darah anda

Ubat ini mungkin dipengaruhi oleh **Ranfuzosin Tablet**, atau mungkin mempengaruhi keberkesanan ia berfungsi. Anda mungkin memerlukan jumlah ubat yang berbeza, atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berbeza.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai maklumat tentang ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil **Ranfuzosin Tablet**.

Bagaimana caranya mengambil Ranfuzosin Tablet ?

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada pek ini, rujuk doktor atau ahli farmasi anda untuk bantuan.

Berapa banyakkah yang sepatutnya diambil?

Doktor atau ahli farmasi anda akan memberitahu jumlah serta kekerapan anda harus mengambil **Ranfuzosin Tablet**. Ia akan bergantung pada keadaan dan sama ada anda ada mengambil sebarang ubat lain.

Dos harian yang disarankan adalah satu tablet 10 mg sekali sehari.

Bagi rawatan retensi kencing akut (susah kencing) bersama dengan kateter, doktor akan memulakan dos daripada hari pertama kateterisasi. Rawatan ini akan berterusan selama 3-4 hari. .

Cara mengambilnya

Telan tablet dengan segelas air

Masa mengambilnya

Alfuzosin tablet hendaklah diambil segera selepas makan malam.

Tempoh mengambilnya

Teruskan mengambil ubat anda sebagaimana yang diarahkan oleh doktor anda.

Rujuk doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti tempoh yang anda sepatut mengambilnya.

Jika anda terlupa mengambilnya

Sekiranya pengambilan dos seterusnya bermula, abaikan dos terdahulu yang anda terlupa mengambilnya. Ambil dos seterusnya ini sebagaimana yang ditetapkan.

Jika tidak, ambil segera tablet setelah anda ingat, dan kemudian kembali mengambilnya semula seperti biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang anda terlupa.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah mengingati masa untuk mengambil ubat, rujuk

shahrulSalamsshahfarmasi anda.

Jika anda mengambilnya terlalu banyak (dos yang berlebihan)

Segera telefon doktor anda untuk mendapat nasihat, atau pergi ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital yang terdekat, jika anda merasakan bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak Ranfuzosin Tablet. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaian atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan bantuan perubatan dengan segera. .

Semasa mengambil Ranfuzosin Tablet

Perkara yang anda mesti lakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil **Ranfuzosin Tablet**.

Sekiranya anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil alfuzosin.

Sekiranya anda akan menjalani pembedahan mata kerana katarak (kanta mata berawan), sila maklumi pakar mata sebelum pembedahan yang anda sedang atau pernah mengambil **Ranfuzosin Tablet**.

Hal ini kerana **Ranfuzosin Tablet** boleh menyebabkan komplikasi semasa pembedahan, yang boleh ditangani jika pakar mata berkenaan diberitahu lebih awal. .

Sekiranya anda merancang menjalani pembedahan yang memerlukan

anestetik/pembiusan, beritahu doktor atau doktor gigi yang anda sedang mengambil ubat ini.

Simpan semua maklumat temu janji anda dengan doktor, supaya kemajuan diri anda boleh dipantau.

Perkara yang anda tidak boleh lakukan.

Jangan ambil Ranfuzosin Tablet untuk merawat sebarang masalah lain kecuali diarahkan oleh doktor.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun jika mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan berhenti mengambil ubat walaupun anda merasa semakin sihat, kecuali diarahkan oleh doktor.

Perkara yang anda perlu berhati-hati

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan peralatan mesin sehingga anda tahu kesan Ranfuzosin Tablet terhadap diri anda.

Ia boleh menyebabkan pening semasa berdiri, terutama apabila bangun daripada duduk atau berbaring

Pastikan anda tahu cara mengatasi keadaan tersebut sebelum memandu kereta, mengendalikan mesin, atau melakukan apa jua perkara yang boleh membahayakan diri anda apabila anda terasa pening.

Kesan Sampingan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda terasa kurang sihat

semasa mengambil Ranfuzosin Tablet.

Ubat ini mungkin mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini terhadap sesetengah orang. Semua ubat boleh mempunyai kesan sampingan. Kesan tersebut, adakalanya ia serius. Namun demikian, pada kebanyakan masa, tiada kesan sampingan yang wujud. Anda perlukan bantuan perubatan jika anda mengalami sesetengah daripada kesan sampingan tersebut.

Jangan bimbang dengan senarai kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak mengalaminya langsung.

Rujuk doktor atau ahli farmasi sekiranya anda mempunyai sebarang kemusykilan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan berikut dan ia membimbangkan anda:

- pitam/pening, sakit kepala, rasa berpinar (spinning sensation), biasanya terasa tidak sihat, mengantuk.
- penglihatan tidak normal
- terasa sakit, sakit abdomen, najis cair (loose stool), mulut kering, muntah, muka-merah, senak perut, sembelit.
- ruam, gatal-gatal
- rasa lemah yang luar biasa
- muka-merah, sakit dada
- bengkak di tangan, pergelangan kaki / buku lali atau kaki.
- Letih, demam – biasanya sedikit, sesak nafas yang menjadi semakin teruk apabila melakukan aktiviti yang sederhana atau yang banyak menggunakan tenaga, megah. Gejala ini boleh menyebabkan inflamasi / keradangan membran mukus pada bronki (bronkitis)

- rasa tegang pada hidung, pipi dan di belakang mata. Gejala ini mungkin disebabkan inflamasi sinus (sinusitis)
- sakit tekak dan rasa tidak selesa semasa menelan (faringitis)
- hidung berair atau tersumbat, bersin, tekanan atau sakit pada muka.
- sakit
- impoten
- kesakitan yang berkekalan semasa ereksi zakar yang berlaku tanpa adanya bangkitan / rangsangan seks.

Beritahu doktor dengan segera jika anda mengalami mana-mana keadaan berikut:

- denyutan jantung yang tidak teratur atau palpitasi / debaran, denyutan jantung cepat.
- pening semasa berdiri, terutamanya apabila bangun daripada duduk atau berbaring.
- loya, muntah, hilang selera, terasa tidak sihat, demam, gata-gatal, kulit dan mata menjadi kekuningan, najis berwarna cerah, air kencing berwarna gelap. Gejala ini mungkin disebabkan masalah hati atau kecederaan hati. .

Jika anda menjalani pembedahan mata disebabkan katarak (lensa mata menjadi kabur) dan sedang atau pernah mengambil alfuzosin, beliakan / bukaan anak mata (pupil dilate) menjadi lemah dan iris (bahagian berwarna pada mata) boleh terkelepek (floopy) semasa pembedahan. Keadaan ini berlaku hanya semasa pembedahan. Oleh itu, pakar mata hendaklah memberi perhatian serius terhadap keadaan ini dan pembedahan mungkin perlu dilakukan dalam cara yang berbeza.

Senarai di atas termasuk kesan sampingan yang serius, yang mungkin memerlukan bantuan perubatan.

Jika mana-mana daripada keadaan ini berlaku, beritahu doktor dengan segera, atau pergi ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat.

- bengkak pada muka, bibir, mulut, lidah atau tekak yang boleh menyebabkan kesukaran menelan atau bernafas.
- rasa sakit atau tidak selesa pada dada, yang sering kali menular ke bahagian lengan atau leher, dan adakalanya ke bahagian bahu dan belakang. Keadaan ini mungkin disebabkan terlalu sedikit darah dan oksigen yang sampai ke jantung. Sakit angina selalunya disebabkan latihan atau stres. Sakit dada anda mungkin baru terjadi, berulang atau menjadi semakin teruk.

Senarai di atas termasuk kesan sampingan yang amat serius. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan yang segera atau dimasukkan ke hospital.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami sebarang keadaan yang membuatkan anda terasa tidak sihat.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin boleh berlaku pada sesetengah orang

Selepas menggunakan Ranfuzosin Tablet

Simpanan : Simpan pada suhu di bawah 30°C, Lindungi daripada cahaya dan keadaan yang lembap.

Pelupusan: Kembalikan sebarang ubat yang tidak digunakan atau melebihi tarikh luput kepada doktor, ahli farmasi atau profesional penjagaan kesihatan untuk dilupuskan secara selamat.

Ubat yang tersedia: Ranfuzosin Tablet 10 mg boleh diperolehi dalam Pek lepuh (Blister pack) - 3x 10's

Deskripsi produk

Bagaimanakah rupa Ranfuzosin Tablet?

Putih ke putih kekuningan, tidak bersalut, berbentuk bulat, dwi cembung, dicetak 'RY10' pada satu sisi tablet.

Bahan kandungan

Bahan aktif:

Setiap tablet 'modified release' mengandungi:
Alfuzosin Hidroklorida10 mg

Bahan tidak aktif:

Lactose Anhydrous
(*laktos kontang*)
Povidone (*povidon*)
Colloidal anhydrous Silica,
(*Silika kontang berkoloid*)
Talc(*talkum*)
Magnesium Stearate,
(*magnesium stearat*)
Hypromellose (*hipromelosa*)
Hydroxy propyl cellulose – M.
(*selulosa propil hidroksil-M*)

MAL NO: MAL11060024A

Pengilang

RANBAXY

Laboratories Limited
Paonta Sahib, Dist. Sirmour,
Himachal Pradesh – 173 025

Pemegang Pemasaran/Diimport oleh:

RANBAXY (Malaysia) SDN.
BHD.
Lot 23, Bakar Arang Industrial
Estate, 08000 Sungai Petani,
Kedah, Malaysia

**Tarikh Sediaan:
Julai 2011**

Ranfuzosin Tablets 10mg[®]

Alfuzosin Hydrochloride Modified Release Tablets 10mg

What is in this leaflet

This leaflet answers some common questions about **Ranfuzosin Tablets**.

It does not contain all of the available information. It does not take the place of talking to your doctor or pharmacist.

All medicines have risks and benefits. Your doctor has weighed the risks of you taking **Ranfuzosin Tablet** against the benefits it is expected to have for you.

If you have any concerns about taking this medicine, ask your doctor or pharmacist.

Keep this leaflet with the medicine.

You may need to read it again.

What Ranfuzosin Tablet is used for

Ranfuzosin Tablet is used to treat symptoms of a medical condition in men called Benign Prostatic hypertrophy or BPH.

BPH is a condition where the prostate gland (which is near your bladder) has become bigger making it more difficult for you to pass urine. This can lead to symptoms such as:

- Weak or interrupted stream of urine
- Feeling that you cannot empty your bladder completely
- Delay before you start to pass urine

Ranfuzosin Tablet is also used along with catheter in acute urinary retention (inability to pass urine) as a symptom of BPH.

How Ranfuzosin Tablet works

Ranfuzosin Tablet contains active substance alfuzosin.

Alfuzosin belongs to a group of medicines known called alpha-1-blockers.

Alfuzosin works by relaxing the prostate gland muscle. This reduces the narrowing of the urethra and so makes it easier to pass urine.

The prostate gland is situated under the bladder surrounding the urethra (the tube that takes your urine to the outside of the body). With age, the prostate gland may grow and press the urethra making it smaller. This may cause problems with urination such as frequent urination and difficulty in passing urine.

Ask your doctor if you have any questions about why Ranfuzosin Tablet has been prescribed for you.

Your doctor may have prescribed it for another reason.

This medicine is available only with a doctor's prescription.

Ranfuzosin Tablet is available as 10 mg tablets.

Before you use Ranfuzosin Tablet

When you must not take it

Do not take Ranfuzosin Tablet if you have an allergy to:

- any medicine containing alfuzosin
- any of the ingredients of **Ranfuzosin Tablet**, listed at the end of this leaflet

Some of the symptoms of an allergic reaction may include:

- shortness of breath

- wheezing or difficulty breathing
- swelling of the face, lips, tongue or other parts of the body
- rash, itching or hives on the skin.

Also do not take alfuzosin if you

- ever felt dizzy, light-headed or faint when you stand or sit up quickly. These side effects may be due to low blood pressure when standing up from a sitting or lying position (the medical term for this is orthostatic hypotension).
- are already taking any another alpha-1-blocker (such as terazosin, doxazosin).
- have liver problems.
- have severe kidney problems.
- are taking medicines which can alter the blood level of alfuzosin such as ketoconazole, itraconazole (medicines used for fungal infections) or ritonavir (medicine used to treat HIV).

Do not take this medicine after the expiry date printed on the pack or if the packaging is torn or shows signs of tampering.

The expiry date refers to the last day of that month. If it has expired or is damaged, return it to your pharmacist for disposal.

If you are not sure whether you should start taking this medicine talk to your doctor.

Before you start to take it

Tell your doctor if you have allergies to any other medicines, foods, preservatives or dyes.

Tell your doctor if you have or have had any of the following medical conditions:

While taking this medicine if you experience low blood pressure when standing up from a sitting or

lying position with or without symptoms such as dizziness, weakness or sweating then you should lie down with your legs and feet raised up in the air until the symptoms have disappeared. Usually, these effects last for only a short time and occur within a few hours of start of the treatment.

You may have more chances of developing these symptoms if you are taking blood pressure lowering medicines along with alfuzosin.

If you suffer from pain or uncomfortable feeling in the chest, often spreading to the arms or neck and sometimes to the shoulders and back (angina). You should discuss with your doctor whether to continue or stop your treatment with alfuzosin, especially when the chest pain newly develop, recurs or worsens.

If you have an eye surgery for cataract (cloudiness of the eye) planned, tell your eye specialist that you are using alfuzosin or have previously been treated with an alpha-blocker. This is because alfuzosin may cause complications during your operation.

Before starting therapy with alfuzosin, your doctor will confirm BPH through appropriate diagnosis, as same symptoms may also occur in prostate cancer.

If you are allergic to any other alpha blocker, your doctor will start dosage of alfuzosin gradually.

If you are taking other medicines to treat high blood pressure then your doctor will check your blood pressure regularly, especially at the beginning of treatment

If you suffer from a defect in heart rhythm or you are taking medicines which may cause a defect in heart rhythm (the medical term for this defect is QTc prolongation). In this case your doctor should evaluate you before and during the period of administration of alfuzosin.

Ranfuzosin Tablet is not intended for use in women.

This medicinal product contains lactose. If you have been told by your doctor that you have an intolerance to some sugars, contact to your doctor before taking this medicine.

If you have not told your doctor about any of the above, tell them before you start taking Ranfuzosin Tablet.

Taking other medicines

Tell your doctor or pharmacist if you are taking any other medicines, including any that you get without a prescription from your pharmacy, supermarket or health food shop.

Some medicines and **Ranfuzosin Tablet** may interfere with each other.

Medicines that should not be taken with alfuzosin include:

- other alpha-blockers such as doxazosin, prazosin, terazosin or tamsulosin
- ketoconazole, itraconazole (medicines used for fungal infections), clarithromycin, erythromycin (antibiotics) and ritonavir (medicine used to treat HIV).

Care is needed while taking:

- medicines used for treatment of high blood pressure (antihypertensive e.g. ramipril, atenolol etc) or medicines used to treat chest pain (nitrates)
- PDE5 inhibitors e.g. sildenafil citrate, tadalafil etc. (medicines used in the treatment of erectile dysfunction)

If you are going to have an operation that needs a general anaesthetic, tell your doctor that you are taking alfuzosin before the operation. Your doctor may decide to stop alfuzosin 24 hours before the operation. This is because it can be dangerous as this medicine can lower your blood pressure.

These medicines may be affected by **Ranfuzosin Tablet**, or may affect how well it works. You may need different amounts of your medicines, or you may need to take different medicines.

Your doctor and pharmacist have more information on medicines to be careful with or avoid while taking **Ranfuzosin Tablet**.

How to take Ranfuzosin Tablet

Follow all directions given to you by your doctor or pharmacist carefully.

They may differ from the information contained in this leaflet.

If you do not understand the instructions on the pack, ask your doctor or pharmacist for help.

How much to take

Your doctor or pharmacist will tell you how much and how often you should take **Ranfuzosin Tablet**. This may depend on your condition and whether or not you are taking any other medicines.

The recommended daily dose is one 10 mg tablet once a day.

For the treatment of acute urinary retention (inability to pass urine) along with catheter, your doctor will start the dose from first day of catheterization. The treatment will be continued for 3-4 days.

How to take it

Swallow the tablet with whole glass of water.

When to take it

Alfuzosin tablet should be taken immediately after evening meal.

How long to take it

Take your medicine as long as your doctor tells you.

Ask your doctor or pharmacist if you are not sure how long to take the medicine for.

If you forget to take it

If it is almost time for your next dose, skip the dose you missed and take your next dose when you are meant to.

Otherwise, take it as soon as you remember, and then go back to taking your tablets as you would normally.

Do not take a double dose to make up for the dose you missed.

If you are not sure what to do, ask your doctor or pharmacist.

If you have trouble remembering to take your medicine, ask your pharmacist for some hints.

If you take too much (overdose)

Immediately telephone your doctor for advice, or go to Accident and Emergency at the nearest hospital, if you think that you or anyone else may have taken too much Ranfuzosin Tablet. Do this even if there are no signs of discomfort or poisoning.

You may need urgent medical attention.

While you are taking Ranfuzosin Tablet

Things you must do

Tell all the doctors, dentists and pharmacists who are treating you that you are taking **Ranfuzosin Tablet**.

If you are about to be started on any new medicine, remind your doctor and pharmacist that you are taking alfuzosin.

If you are undergoing eye surgery because of cataract (cloudiness of the lens) please inform your eye specialist before the operation that you are using or have previously used **Ranfuzosin Tablet**.

This is because **Ranfuzosin Tablet** may cause complications during the surgery which can be managed if your specialist is prepared in advance.

If you plan to have surgery that needs a general anaesthetic, tell your doctor or dentist that you are taking this medicine.

Keep all of your doctor's appointments so that your progress can be checked.

Things you must not do

Do not take Ranfuzosin Tablet to treat any other complaints unless your doctor tells you to.

Do not give your medicine to anyone else, even if they have the same condition as you.

Do not stop taking your medicine because you are feeling better, unless advised by your doctor.

Things to be careful of

Be careful driving or operating machinery until you know how Ranfuzosin Tablet affects you.

It may cause dizziness on standing up, especially when getting up from a sitting or lying position.

Make sure you know how you react to it before you drive a car, operate machinery, or do anything else that could be dangerous if you feel dizzy.

Side Effects

Tell your doctor or pharmacist as soon as possible if you do not feel well while you are taking Ranfuzosin Tablet.

This medicine may have unwanted side effects in a few people. All medicines can have side effects. Sometimes they are serious, most of the time they are not. You may need medical attention if you get some of the side effects.

Do not be alarmed by the following list of side effects. You may not experience any of them.

Ask your doctor or pharmacist to answer any questions you may have.

Tell your doctor or pharmacist if you notice any of the following and they worry you:

- faintness/dizziness, headache, spinning sensation, generally feeling unwell, drowsiness
- abnormal vision
- feeling sick, abdominal pain, loose stool, dry mouth, vomiting, flushing, indigestion, constipation
- rash, itching, hives
- unusual weakness
- flushes, chest pain
- swelling of hands, ankles or feet
- fatigue, fever -- usually low, shortness of breath worsened by exertion or mild activity, wheezing. These symptoms may be due to inflammation of the mucous membranes of the bronchi (bronchitis)
- feeling of tension or fullness in the nose, cheeks and behind your eyes. These symptoms may be due to inflammation of sinus (sinusitis)
- sore throat and discomfort when swallowing (pharyngitis)
- runny or blocked nose, sneezing, facial pressure or pain
- pain
- impotence
- persistent painful erection of the penis which occurs without sexual arousal

Tell your doctor immediately if you notice any of the following:

- irregular heart beat or palpitations, fast heart beat
- dizziness on standing up, especially when getting up from a sitting or lying position
- nausea, vomiting, loss of appetite, feeling generally unwell, fever, itching, yellowing of the skin and eyes, light coloured bowel motions, dark coloured urine. These symptoms may be due to liver problems or liver injury.
- If you are having an operation on your eyes because of cataracts (where the lens of the eye is cloudy) and are already taking or have taken alfuzosin in the past, the pupil may dilate poorly and the iris (the coloured part of the eye) may become floppy during the procedure. This only happens during the operation and it is important for the eye specialist to be aware of this as the operation may need to be carried out differently.

The above list includes serious side effects that may require medical attention.

If any of the following happens, tell your doctor immediately, or go to Accident and Emergency at the nearest hospital:

- swelling of the face, lips, mouth, tongue or throat which may cause difficulty in swallowing or breathing
- a pain or uncomfortable feeling in the chest, often spreading to the arms or neck and sometimes to the shoulders and back. This may be caused by too little blood and oxygen getting to the heart. The pain of angina is usually brought on by exercise or stress. Your chest pain may newly develop, recur or worsen.

The above list includes very serious side effects. You may

need urgent medical attention or hospitalisation.

Tell your doctor or pharmacist if you notice anything that is making you feel unwell.

Other side effects not listed above may also occur in some people.

After using Ranfuzosin Tablet

Storage: Store below 30°C, Protected from light and moisture

Disposal: Return any unused or expired medicine to your doctor, pharmacist or health care professional for safe disposal.

Availability: Ranfuzosin Tablets 10 mg are available in Blister pack of 3x 10's

Product description

What Ranfuzosin Tablet looks like

White to off-white, uncoated, round, biconvex tablets debossed with 'RY10' on one side of the tablet.

Ingredients

Active ingredient:

Each modified release tablet contains:
Alfuzosin Hydrochloride10 mg

Inactive ingredients:

Lactose Anhydrous, Povidone, Colloidal anhydrous Silica, Talc, Magnesium Stearate, Hypromellose, Hydroxy propyl cellulose – M.

MAL NO: MAL11060024A

Manufacturer

RANBAXY

Laboratories Limited
Paonta Sahib, Dist. Sirmour,
Himachal Pradesh – 173 025

Holder/Imported by:

RANBAXY (Malaysia) SDN, BHD
Lot 23, Bakar Arang Industrial
Estate, 08000 Sungai Petani,
Kedah, Malaysia

Date of Preparation:

July 2011